

10 DEC 1998

PRESIDEN TANZANIA LAWAT MALAYSIA/I

KUALA LUMPUR, 10 Dis (Bernama) -- Presiden Tanzania Benjamin William Mkapa akan melakukan lawatan negara selama tiga hari ke Malaysia mulai esok.

Presiden Mkapa akan diiringi oleh isterinya, Anna Mkapa, pemangku Menteri hal Ehwal Luar dan Kerjasama Antarabangsa Zakia Meghji, Menteri Kerajaan Tempatan Ali Haji Ali dan Menteri Tenaga dan Galian Abdallah Kigoda serta para pegawai kanan kerajaan.

Menurut kenyataan Kementerian Luar, semasa lawatan, Presiden Mkapa dijadual menghadiri majlis jamuan negara dan mengadakan mesyuarat delegasi dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mesyuarat delegasi akan tertumpu kepada isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa demi kepentingan bersama, menurut kenyataan itu.

Beliau juga akan menghadiri taklimat di Unit Perancang Ekonomi (EPU), Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan Institut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia (PORIM).

Presiden Tanzania itu juga akan mengadakan pertemuan dengan ahli perniagaan Malaysia dan melawat Kuala Lumpur City Centre.

-- BERNAMA

HS FAZ